2.2 SOALAN OBJEKTIF

1. Pernyataan manakah yang ***BETUL*** mengenai permintaan ?

   A Keperluan yang mesti dipenuhi
   B Kehendak yang tidak terbatas
   C Keinginan yang mampu dimiliki
   D Minat terhadap sesuatu barang

2. Manakah yang menepati dengan hukum permintaan ?

	Harga Asal (RM)	Kuantiti Diminta Asal (Unit)	Harga Baharu (RM)	Kuantiti Diminta Baharu (Unit)
I	2	80	1	90
II	3	65	5	45
III	4	40	3	20
IV	6	50	7	100

   A I dan II
   B II dan III
   C III dan IV
   D I dan IV

LIVEWORKSHEETS

3. Maklumat di bawah berkaitan dengan dua barang.

Apabila harga barang A turun, kuantiti diminta barang B akan bertambah

Antara yang berikut, yang manakah mungkin merupakan barang A dan barang B ?

A Telefon pintar dan alat pengecas

B Komputer peribadi dan jam tangan

C Kopi dan teh

D Beras dan garam

4. Maklumat di bawah berkaitan dengan minuman T.

Satu laporan saintifik menyatakan bahawa minuman T mempunyai kandungan gula yang tinggi sehingga boleh menjejaskan kesihatan. Secara tidak langsung, laporan tersebut telah menyebabkan permintaan terhadap minuman T berkurang.

Apakah faktor yang menjejaskan permintaan tersebut ?

A Dasar kerajaan

B Cita rasa

C Musim

D Fesyen

LIVEWORKSHEETS

5. Rajah manakah yang menunjukkan kesan perubahan harga barang pengganti naik terhadap permintaan teh ?

A



B



C



D



LIVEWORKSHEETS

6. Pembinaan laluan MRT dan LRT akan meningkatkan penggunaan pengangkutan kereta api di Lembah Klang. Apakah kesan peristiwa tersebut kepada perkhidmatan teksi ?

A Kenaikan tambang teksi
B Penurunan permintaan untuk perkhidmatan teksi
C Peningkatan bilangan teksi di Lembah Klang
D Peningkatan pendapatan untuk pemandu teksi

7. Pasangan manakah yang ***BENAR*** ?

	Perubahan Dalam Kuantiti Diminta	**Perubahan Permintaan**
A	Pergerakan titik di sepanjang keluk permintaan	Peralihan keluk permintaan ke kiri atau kanan
B	Melibatkan dua keluk permintaan	Melibatkan satu keluk permintaan
C	Apabila harga berubah, kuantiti diminta tetap	Apabila harga tetap, kuantiti diminta berubah
D	Penentu ialah dasar kerajaan	Penentu ialah harga barang itu

8. Penggunaan racun serangga yang berlebihan oleh pekebun sayur telah …

A mengurangkan permintaan sayur- sayuran
B menambahkan permintaan sayur- sayuran
C mengurangkan penawaran sayur- sayuran
D menambahkan hasil pekebun sayur

LIVEWORKSHEETS

9. Rajah di bawah menunjukkan keluk penawaran barang L.



Antara yang berikut, yang manakah merupakan ciri- ciri keluk penawaran barang L tersebut ?

I Mempunyai kecerunan negatif

II Mencerun ke atas dari kiri ke kanan

III Hubungan langsung antara harga dan kuantiti ditawarkan

IV Semakin rendah harga barang L semakin tinggi kuantiti ditawarkan

A I dan II

B II dan III

C III dan IV

D I dan IV

10. Apakah maksud penawaran pasaran ?

A Kuantiti barang yang dikeluarkan oleh sebuah firma dalam pasaran

B Kuantiti barang yang dikeluarkan oleh seseorang individu dalam pasaran

C Kuantiti barang yang dikeluarkan oleh semua firma dalam pasaran pada suatu tingkat harga dalam tempoh masa tertentu

D Kuantiti barang yang dikeluarkan oleh semua individu dalam pasaran pada suatu tingkat harga dalam tempoh masa tertentu

LIVEWORKSHEETS

11. Faktor manakah yang mempengaruhi penawaran terhadap sesuatu telefon bimbit ?

I Cita rasa

II Harga Faktor

III Tingkat teknologi

IV Pendapatan

A I dan II

B II dan III

C III dan IV

D I dan IV

12. Rajah di bawah berkaitan dengan keluaran stoking tempatan.



Mengapakah berlaku perubahan keluk S_0S_0 ke S_1S_1 ?

A Daya pengeluaran meningkat

B Cita rasa pengguna bertambah

C Firma bermatlamat memaksimumkan untung

D Lambakan barang import berlaku

LIVEWORKSHEETS

13. Antara yang berikut, yang manakah meningkatkan penawaran kereta tempatan ?

I Pengurangan cukai jualan
II Peningkatan teknologi pengeluaran
III Kenaikan harga besi keluli
IV Kenaikan harga petrol
A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

14. Pernyataan di bawah berkaitan dengan suatu fenomena yang berlaku dalam ekonomi.

" Kenaikan harga simen dan besi keluli dijangka akan berterusan meningkat dalam tempoh enam bulan yang akan datang."kata Pengerusi Persatuan Perumahan Malaysia kepada pelabur hartanah

Apakah kesan fenomena tersebut kepada penawaran rumah kediaman tempatan ?

A Permintaan terhadap rumah kediaman akan meningkat
B Penawaran rumah kediaman akan bertambah
C Harga rumah kediaman akan cenderung menurun
D Harga rumah kediaman akan cenderung meningkat

LIVEWORKSHEETS

15. Jadual di bawah ini menunjukkan penawaran barang S oleh dua buah firma.

Harga (RM)	Penawaran Barang S (unit)	
	Firma A	Firma B
15	35	25
20	40	30
25	45	40
30	50	50

Andaikan keseimbangan pasaran dicapai pada tingkat harga RM25 dan kuantiti 135 unit. Sekiranya terdapat tiga buah firma dalam pasaran, berapakah kuantiti penawaran barang S bagi firma ketiga ini ?

A 220 unit
B 85 unit
C 50 unit
D 5 unit

16. Rajah di bawah menunjukkan keseimbangan pasaran bagi suatu barang.



LIVEWORKSHEETS

Pilih pernyataan yang ***BENAR***.

A Kuantiti keseimbangan berlaku pada Q_1

B Harga tidak cenderung untuk berubah pada tingkat harga P_0

C Wujud lebihan penawaran pada tingkat harga P_2

D Wujud lebihan permintaan pada tingkat harga P_1

17. Jadual di bawah menunjukkan kuantiti ditawar dan kuantiti diminta bagi barang A pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM)	**Kuantiti Diminta (unit)**	**Kuantiti Ditawar (unit)**
15	330	150
20	300	165
25	270	180
30	250	250
35	140	320

Pernyataan manakah yang ***BENAR*** mengenai jadual di atas ?

A Kuantiti keseimbangan pasaran adalah pada 270 unit

B Harga keseimbangan pasaran adalah pada RM15

C Lebihan penawaran sebanyak 180 unit berlaku pada tingkat harga RM35

D Lebihan permintaan sebanyak 90 unit berlaku pada tingkat harga RM20

LIVEWORKSHEETS